

KESALAHAN TIDAK MEMBAWA KAD PENGENALAN / DOKUMEN PENGENALAN DIRI

WARGANEGARA

AKTA PENDAFTARAN NEGARA 1959 (AKTA 1978)

Setiap warga negara Malaysia hendaklah sentiasa membawa kad pengenalan sebagaimana yang diterangkan pada Peraturan 6, Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 1978) dan Peraturan-peraturan 1990 (Pindaan 2007) iaitu tanggungjawab menjaga kad pengenalan menyatakan, orang yang kepadanya suatu kad pengenalan telah dikeluarkan hendaklah, selepas itu dan selagi dia masih menjadi orang berdaftar semula di bawah peraturan-peraturan ini, pada setiap masa membawa pada dirinya kad pengenalan dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan peraturan-peraturan ini.

Untuk makluman jua, tidak membawa bersama kad pengenalan adalah merupakan kesalahan yang boleh didakwa mengikut Peraturan 25(1)(n) Peraturan Pendaftaran Negara 1990 yang mana apabila disabitkan kesalahan boleh membawa kepada **hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun** atau **denda tidak melebihi RM20,000.00** atau kedua-duanya sekali.

Ingin ditegaskan bahawa semua kesalahan di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 1978) adalah merupakan kesalahan boleh tangkap bagi maksud undang-undang yang berhubung dengan prosedur jenayah.

(Rujukan: (83) JPN.C:KP/163/790/21)


BUKAN WARGANEGARA

SEKSYEN 6(3) AKTA IMIGRESEN 1959/1963

- a. Seseorang pelawat asing yang berada dalam Malaysia boleh ditafsirkan masuk secara haram sekiranya :
 - i. Gagal menunjukkan pasport / dokumen perjalanan / permit masuk yang sah apabila diminta; atau
 - ii. Pasport / dokumen perjalanan tidak ada cop kemasukan / pas yang sah.

- b. Kesalahan kerana masuk secara haram membawa hukuman:
 - i. Denda tidak melebihi RM10,000.00 atau penjara tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya dan boleh dikenakan tidak lebih daripada 6 kali sebatan; atau
 - ii. Kompaun sehingga RM3,000.00

(Rujukan: IM.101.C-K/1130/1 Jld.15 (70))


DATO' DR. HJ. BAHARI BIN DATO' TOK MINDA HJ. AWANG NGAH
D.I.M.P, AAP
MBBS (Mal) MSc. HSM(South Bank), CMIA (Niosh)
(No. Pendaftaran Penuh MPM: 26639)
Pakar Perunding Kesihatan Awam
Pengerah Hospital
Hospital Sultan Haji Ahmad Shah,
Temerloh, Pahang D.M.

18/7/2016